

Rogol murid: Guru dijel 24 tahun, 12 sebatan

Foto: BERNAMA

KUALA LUMPUR - Seorang guru Pendidikan Jasmani dijatuhi hukuman penjara 24 tahun dan 12 sebatan oleh Mahkamah Sesyen Selayang di sini, semalam, selepas bersalah atas dua pertuduhan merogol anak muridnya.

Hakim Tasnim Abu Bakar menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd Ezlie Azram Mohammad Khasasi, 38, selepas mendapati pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Mohd Ezlie Azram dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan enam sebatan bagi setiap pertuduhan dan mahkamah memerintahkan hukuman itu berjalan berasingan bermula semalam.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan permohonan peguam bela, Dony Abdullah dan Farhan Read untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman itu sementara rayuan difailkan di mahkamah tinggi.

Mohd Ezlie Azram yang juga guru silat, menghadapi dua pertuduhan merogol seorang anak muridnya yang ketika itu berusia 11 tahun pada 2011 dan sekali lagi sewaktu mangsa berusia 13 tahun pada 2013, di sebuah ru-



Mohd Ezlie Azham dibawa ke Mahkamah Sesyen Selayang, semalam.

Sebagai seorang guru, dia tidak sewajarnya melakukan sedemikian.” *mls-12*

- Wan Shahida Simor
Hendon
18/2/17
mah di Selayang, di sini.

Duda dua anak itu, didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Wan Shahida

Wan Omar memohon hukuman berat mengambil kira tindakan tertuduh yang sepatutnya memberi pendidikan dan perlindungan, bukan mengambil kesempatan ke atas anak muridnya.

“Profesion perguruan adalah pekerjaan mulia dan disanjung tinggi, sebagai seorang guru, dia tidak sewajarnya melakukan sedemikian,” katanya.

Bagaimanapun, Farhan Read merayu anak guamnya dikenakan hukuman ringan dengan alasan dia mempunyai tanggungan dua anak bersama bekas isteri.

- *Bernama*